




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

31 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 447 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 217,949 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kuala Penyu dan Kota Marudu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 427 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 206,999 orang. Manakala 1,841 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 747 orang di hospital, 1,077 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 16 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 85 orang merangkumi 82 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 96 (44.04%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah menurun sebanyak (-203) kes hari ini kepada (447) kes berbanding (650) kes semalam. Walau bagaimanapun mengikut trend semasa, penurunan besar ini biasanya bersifat sementara dan akan turun-naik dari masa ke masa.
- b. Kecuali daerah Kota Kinabalu, semua daerah lain di Sabah mencatatkan angka COVID-19 baharu di bawah paras (50) kes. Kota Kinabalu mencatat (84) kes, peningkatan (+37) kes berbanding jumlah kes yang direkodkan semalam. Kebanyakan daerah mencatatkan penurunan kes baharu, antaranya Kota Belud (-36) kes, Tuaran (-38) kes, Beaufort (-36) kes, Papar (-17) kes, Kinabatangan (-48) kes, Penampang (-10) kes dan Sandakan (-16) kes.
- c. Daripada (447) kes yang dilaporkan hari ini, sebanyak (236) kes atau 52.8% merupakan kes-kes yang berlaku dan didaftar dalam tempoh 24 jam yang lalu setelah keputusan saringan diketahui. Selebihnya adalah kes-kes yang didaftar lewat dua hari atau lebih setelah keputusan saringan diketahui. Sebanyak (78) kes daripada (84) kes yang dicatat di Kota Kinabalu adalah kes-kes daftar lewat 2 hari atau lebih.
- d. Sebanyak 98% daripada semua kes yang dilaporkan hari ini adalah pesakit-pesakit dalam Kategori 1 (51) kes dan Kategori 2 (383) kes. Pesakit-pesakit dalam Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5 kekal rendah, Kategori 3, dua (2) kes, Kategori 4, tiga (3) kes dan Kategori 5, dua (2) kes. Sebanyak enam (6) kes lagi masih dalam siasatan lanjut JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (246) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	168	37.58%
3	Kontak	246	55.03%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	33	7.38%
JUMLAH		447	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (30 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 30/10/2021	Catatan Kes 31/10/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	47	84	+37
2	Beluran	5	17	+12
3	Kudat	7	16	+9
4	Tambunan	10	18	+8
5	Lahad Datu	12	17	+5
6	Kuala Penyu	2	6	+4
7	Keningau	17	19	+2
8	Kalabakan	0	1	+1
9	Kinabatangan	54	6	-48
10	Tuaran	68	30	-38
11	Beaufort	55	19	-36
12	Kota Belud	77	41	-36
13	Papar	35	18	-17
14	Tawau	31	15	-16
15	Sandakan	23	7	-16
16	Ranau	48	34	-14
17	Kota Marudu	46	33	-13
18	Pitas	20	9	-11
19	Penampang	25	15	-10
20	Kunak	6	2	-4
21	Tongod	5	1	-4
22	Sipitang	6	2	-4
23	Telupid	10	6	-4
24	Putatan	17	14	-3
25	Semporna	3	0	-3
26	Tenom	17	15	-2
27	Nabawan	4	2	-2
JUMLAH		650	447	-203

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (17 Oktober – 30 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	40	37	0	7	84	756
Kota Belud	0	35	5	0	1	41	772
Ranau	0	11	20	0	3	34	618
Kota Marudu	0	11	18	0	4	33	494
Tuaran	0	25	5	0	0	30	409
Beaufort	0	13	6	0	0	19	500
Keningau	0	7	10	0	2	19	411
Papar	0	13	4	0	1	18	318
Tambunan	0	12	5	0	1	18	271
Lahad Datu	0	7	7	0	3	17	282
Beluran	0	15	2	0	0	17	185
Kudat	0	9	6	0	1	16	349
Tawau	0	12	2	0	1	15	191
Penampang	0	9	6	0	0	15	289
Tenom	0	5	8	0	2	15	461
Putatan	0	2	12	0	0	14	182
Pitas	0	7	2	0	0	9	230
Sandakan	0	2	3	0	2	7	168
Kinabatangan	0	0	2	0	4	6	272
Telupid	0	5	1	0	0	6	97
Kuala Penyu	0	3	3	0	0	6	55
Sipitang	0	1	1	0	0	2	186
Kunak	0	1	1	0	0	2	49
Nabawan	0	0	1	0	1	2	66
Tongod	0	1	0	0	0	1	50
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	15
Semporna	0	0	0	0	0	0	46
JUMLAH	0	246	168	0	33	447	7,722

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,233 unit

- Hospital 1,882 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,881 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.54%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 31 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	440
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
Jumlah	447

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Indonesia	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	431
Bukan Malaysia	16
Jumlah	447

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	76
Belum Menerima Vaksin	59
Menerima 1 Dos	10
Lengkap 2 Dos	302
Jumlah	447

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1 to 5	33
6 to 11	38
12 to 17	15
18 to 25	78
26 to 59	229
>60	49
Jumlah	447

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 30 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,298 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,295 orang adalah penduduk dewasa dan 3,003 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 30 Oktober 2021 adalah seramai 2,424,008 orang. Ini meliputi 2,095,818 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.98% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,325,942 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,050,830 orang atau 74.35% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 328,190 orang atau 75.62% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 275,112 atau 63.39% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **662,151** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,029 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 49 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan seluruh Sabah hari ini.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 207 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 27 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Kastam 1967.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,188 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Satu (1) notis dikeluarkan pada hari ini iaitu di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.
- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 387 premis perniagaan dan 2,120 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 170 Premis Perniagaan melibatkan 99 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 167 anggota di 222 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.

8 Sejumlah 88 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 101 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.8%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Marudu	98.5%
2	Keningau	98.5%
3	Tawau	98%
4	Sandakan	98%
5	Ranau	98%
6	Kunak	98%
7	Beaufort	98%
8	Kudat	98%
9	Kinabatangan	98%
10	Papar	98%
11	Kota Kinabalu	98%
12	Lahad Datu	97.5%
13	Beluran	97.5%
14	Semporna	97.5%
15	Penampang	97.5%
16	Kota Belud	97.5%
17	Sipitang	97.5%
18	Tuaran	97%
19	Tenom	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II